

**TEORI KEDATANGAN
ISLAM DAN PENYEBARAN
MAZHAB SHAFI'I**

Serta

**PERLAKSANAAN
SISTEM PENDIDIKAN ISLAM**

Di Negara Brunei Darussalam: Masalah Dan Cabaran

Mahayudin Hj Yahaya

UNISSA Press
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam
1439H / 2017M

Penerbit:

UNISSA Press

Pusat Penyelidikan dan Penerbitan

Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Simpang 347, Jalan Pasar Baharu

BE1310, Gadong

Negara Brunei Darussalam

Tel: +673 2462000 ext. 332

Laman Web: www.unissa.edu.bn

© Mahayudin Hj Yahaya

Cetakan Pertama 2017

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan**

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan**

MAHAYUDIN Hj Yahaya

Teori kedatangan Islam dan penyebaran mazhab Shafi'i serta pelaksanaan sistem pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam: masalah dan cabaran / Mahayudin Hj Yahaya Ph.d -- Bandar Seri Begawan : Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2017.

83p. 15.24cm x 20.32cm.

ISBN 978-99917-82 72-0 (softcover)

1. Islam--Brunei Darussalam 2. Islamic education--Brunei Darussalam
3. Shafii I. Title

297.095955 MAH (DDC 23)

Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar:

Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd.

Negara Brunei Darussalam

Dicetak Oleh:

Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd.

Negara Brunei Darussalam

Prakata

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين،
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، أما بعد.

Segala pujian bagi Allah *Subhānahu wata'ālā*, Pencipta, Pentadbir dan Pemerintah sekalian alam. Selawat dan salam atas junjungan Besar Nabi *Muhammad Ṣallallahu 'alaihi wasallam*, ahli keluarga Baginda dan para sahabat serta sekalian pengikut Baginda yang berjuang di sepanjang zaman. Alhamdulillah atas segala rahmatNya dan kurniaNya, monograf bertajuk “*Teori Kedatangan Islam dan Penyebaran Mazhab Shafi'i Serta Perlaksanaan Sistem Pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam: Masalah dan Cabaran*”, Siri Monograf Al-Shafi'i, Bilangan 5 ini dapat diterbitkan.

Pada kesempatan ini, sekalung penghargaan dan terima kasih kepada seluruh pihak yang telah berusaha membantu dalam menjayakan penerbitan monograf yang sangat bermanfaat ini terutama pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam. Semoga Allah *Subhānahu wata'āla* jua yang akan membalasnya dengan sebaik-baik ganjarannya. *Āmīn Yā Rabbal 'Ālamīn*.

Sekian. Wassallam.

TEORI KEDATANGAN ISLAM DAN PENYEBARAN MAZHAB SHAFI'I SERTA PERLAKSANAAN SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: MASALAH DAN CABARAN

Mahayudin Hj Yahaya Ph.D

Mahayuddin._yahaia@unissa.edu.bn

(mhy.unissa.edu.bn)

Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam

Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Negara Brunei Darussalam

1.PENGENALAN

Sehingga kini belum ada kata sepakat daripada kalangan para pengkaji mengenai tarikh ketibaan agama Islam dan penyebaran mazhab Shafi'i di Negara Brunei Darussalam, sepertimana juga tarikh ketibaan dan penyebaran agama Islam dan penyebaran mazhab Shafi'i di rantau Alam Melayu dan di Negara Brunei Darussalam. Justeru, telah muncul pelbagai teori mengenainya berdasarkan sumber yang pelbagai, Arab, Cina, India dan juga Portugis. Sumber yang sama telah digunakan mereka bagi menentukan tarikh ketibaan Islam dan penyebaran mazhab Shafi'i di negara ini.

Para pedagang dari negeri Arab yang berulang alik ke Gugusan Kepulauan Melayu pada kebiasaannya berkumpul di pelabuhan Aden sebelum belayar ke timur. Mereka ini terdiri daripada para peniaga dari kawasan selatan (Yaman) dan kawasan tengah (Hijaz) Semenanjung Tanah Arab. Dari pelabuhan Aden mereka belayar ke sebelah timur melalui Lautan Hindi dan seterusnya ke selatan India dan ke Kepulauan Melayu.

Ketibaan mereka di Kepulauan Melayu telah disambut meriah oleh penduduk tempatan dan agama Islam tersebar dengan begitu cepat tanpa paksaan atau berlaku peperangan.

Semangat persaudaraan Islam (*ukhuwwah Islamiyyah*) yang ditanamkan oleh Rasulullah *sallallahu `alihi wasallam* ke dalam jiwa umat Islam adalah begitu mendalam sehingga agama-agama lain yang sudah bertapak kukuh di rantau ini gagal menyaingi Islam.

Sejak abad ke-9 M. lagi, ahli-ahli pelayaran Islam yang terdiri daripada pelbagai bangsa dari seluruh dunia sering berkunjung ke rantau ini hingga tertubuhnya kerajaan-kerajaan Islam bagi menggantikan kerajaan-kerajaan Hindu-Buddha.

Secara kebetulan, pada tahun 878 M. telah berlaku kekacauan di Canton (selatan Negeri China) yang menyebabkan ramai daripada para peniaga Arab berhijrah ke Gugusan Pulau-Pulau Melayu. Sejak itu penyebaran Islam menjadi semakin meluas, khususnya di bahagian

utara Sumatera kerana kedudukannya yang begitu strategik bagi mereka yang datang dari sebelah barat yang menghala ke negeri Arab berbanding di tempat-tempat lain¹.

Kerajaan Islam pertama didirikan di rantau ini ialah Kerajaan Perlak (1225-1263),² Diikuti Kerajaan Samudera-Pasai (1261-1289), Kerajaan Melayu Melaka, dan seterusnya kerajaan Aceh berikutan kejatuhan kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15, diikuti Kesultanan Brunei, Kesultanan Sulu dan Mindanau (di selatan Filipina), Kerajaan Islam Patani (di selatan Thailand), Kerajaan Demak dan Mataram (di Jawa, Indonesia) pada abad ke-16, dan lain-lain.

Kerajaan-kerajaan tersebut telah didirikan dan diislamkan oleh para pedagang dan pendakwah yang datang dari negeri Arab. Mereka ini termasuklah Makhdum Sayyid Abdul Aziz yang mengislamkan Kerajaan Melayu Melaka, Syeikh Ismail dari Makkah yang mengislamkan raja Pasai (Samudera-Pasai), Merah Silu dan kemudiannya dinamakan Malik al-Salih yang memerintah antara tahun 1261-1289M, Sultan Sharif Ali dari Ta'if telah

¹ Keterangan lanjut, lihat Mahayudin Hj Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, 1998, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 3-14.

² Menurut Prof A. Hasymy, *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, Ptolaarif Penerbit Percetakan Off set, Aceh, 1981, ms. 197-204, bahawa kerajaan Islam Perlak (Peureulak) awal muncul pada tahun 225H/840M dan rajanya pertama bernama Sayyid maulana Abd al-Aziz Shah, putera Ali bin Muhammad bin Ja'far al-Dadiq, dari keturunan Khalifah Ali bin Abi Talib. Baginda datang ke Perlak bersama rombongan 100 orang mubaligh pimpinan Nakhoda Khalifah dari negeri Arab melalui Teluk Kambay, Gujarat.

menyebarkan Islam di Negara Brunei Darussalam, Tuan Mashayikh dan Makhдум Karim mengislamkan Kepulauan Sulu, dan Sharif Muhammad bin Ali Zainal Abidin (Muhammad Kebungsuan) dari Johor mengislamkan Mindanao, di selatan Filipina. Para pedagang dan pendakwah tersebut merupakan ahli pelayaran dan mahir dalam bidang maritim dan sudah biasa belayar dari satu tempat ke satu tempat bagi tujuan dakwah di samping berniaga sebelum tiba di Alam Melayu.

2. TEORI KETADANGAN ISLAM KE NEGERA BRUNEI DARUSSALAM

Terdapat beberapa teori mengenai sejarah kedatangan Islam di rantau ini berdasarkan sumber-sumber dari Eropah, Cina dan Arab, di samping sumber tempatan.

2.1 Sumber Barat

Sumber dari Barat mengemukakan teori kemasukan Islam ke Brunei berdasarkan kepada fakta-fakta hubungan Portugis dengan Brunei dalam bidang perdagangan.³ Teori ini dikemukakan oleh Robert Nicholl (1983) dalam penulisan beliau yang bertajuk *Brunei Rediscovered: A Survey Of Early Times* yang merujuk pada teori kemasukan Islam ke Brunei. Robert Nicholl mengemukakan teori

4

3 Robert Nicholl, "Brunei Rediscover: A Suvey Of Early Times" dalam *Journal Of Southeast Asian Studies*, Vol. 14 No.1, Mac. 1983, hlm. 45.

kemasukan Islam ke Brunei berdasarkan kepada fakta-fakta hubungan Portugis dengan Brunei, katanya:

“...The Portuguese capture of Malacca altered the balance of power in the archipelago. Their first contact with the Brunei was in January 1514, when three Brunei junks arrived at Malacca for the purpose re-opening trade. An account of the discussions with the Brunei merchants was embodied in two letters written by Rui Brito patalim, the Captain General of Malacca, one to Dom Alfonso de Al-Buquerque in Goa, the other to King Manoel 1, both were dated the 6th January 1514. In the letter to the King Rin mentioned that though the merchants were Muslims their King was a pagan. Thus by January 1514, the Brunei Royal Family had not yet embraced Islam. Not the end of 1515. Tom Pires in his Suma Oriental when speaking of trade with Brunei, mentioned that it is not long since that the King of Brunei had become a Muslim this fixed the date of conversion to Islam as late 1514 or 1515”
(Robert Nicholl: 1983).

Dengan ini Nicholl berjaya membuktikan pengislaman keluarga Diraja Brunei termasuk Awang Alak Betatar ialah sekitar tahun 1514 M. (atau 1515 M.). Fakta ini diperkokohkan lagi dengan mengambil kenyataan dalam *Silasilah Raja-Raja Brunei* yang menyebutkan bahawa Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad) diislamkan di Istana Raja Johor kerana Kesultanan Johor wujud selepas kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 M, sepertimana yang dijelaskan oleh Nicholl iaitu:

"It is confirmed by the Silsilah, which says the Ruler of Brunei (he is given the name of Alak Betatar) upon embracing Islam took the name of Sultan Muhammad, and receive investiture of the Nobat and genta, symbols of sovereignty from the Sultan of Johore who would have been Sultan Mahmud Shah (1512-1528), for there was no Sultan of Johore prior to 1512".⁴

Walaupun kenyataan yang dikemukakan oleh Robert Nicholl ada logiknya dan disokong oleh Brown dalam penulisannya yang bertajuk *Brunei: The Structure And History Of A Borneon Malay Sultanate*, namun kita tidak dapat membuat kesimpulan bahawa teori yang dikemukakan oleh Robert Nicholl merupakan teori yang paling munasabah dan sempurna kerana masih ada beberapa penemuan lain yang boleh menyangkal pendapat beliau itu.

Ahli sejarah berbangsa Itali, Antonio Pigafetta memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan serta proses pengislaman Brunei berdasarkan pelayarannya ke Brunei pada tahun 1512 M. Dalam catatannya, Pigafetta menyebutkan butir-butir yang agak jelas berbanding kenyataan yang dikemukakan oleh Nicholl terutamanya mengenai kewibawaan, kegagahan, kebesaran, adat istiadat dan sopan santun orang-orang Brunei. Kenyataan yang dikemukakan oleh Nicholl bahawa Raja Brunei yang mula-mula memeluk Islam pada tahun 1514 M atau 1515 M adalah tidak tepat kerana tidak mungkin

4

⁴ Maklumat lanjut mengenai kedudukan Awang Alak Betatar sebagai Sultan Brunei yang pertama, sila rujuk Salasilah Raja-Raja Brunei dalam *JMBRAS* Vol.41, 1968, hlm.51

dalam masa enam atau tujuh tahun (1514-1521), Brunei diperintah oleh empat atau lima orang sultan iaitu dari Sultan Muhammad hingga kepada Sultan Bolkiah. Sehubungan dengan ini, gambaran yang diberikan oleh Pigafetta mengenai Kesultanan Brunei tidak menunjukkan yang ia baru ditubuhkan dalam tempoh enam atau tujuh tahun sebelumnya. Sebaliknya beliau membayangkan bahawa Brunei merupakan sebuah kerajaan yang sudah lama wujud. Kenyataan Pigafetta disokong oleh Profesor V.T. King dari University Of Hull dalam kajiannya yang bertajuk *The Peoples Of Borneo* tentang kedatangan Islam ke Brunei dan juga penulisan Ismail Hamid yang bertajuk *Tinjauan Umum Terhadap Teori Kedatangan Islam Ke Alam Melayu*.⁵ Dalam pada itu penulisan David Leake Jr yang bertajuk *Brunei: The Modern Southeast Asian Islamic Sultanate* mengambil kedua-dua kenyataan iaitu kenyataan Nicholl dan pigafetta sebagai sumber utama sejarah kemasukan Islam ke Brunei tanpa memberi penjelasan atau menganalisa satu persatu.⁶

2.2 Sumber Cina

Teori kedua yang berkait rapat dengan kemasukan Islam ke Brunei diperolehi melalui sumber dari Cina. Pengiran Haji Mohamad Haji Abdul Rahman dalam bukunya yang

⁵ Victor T.King,1993, *The Peoples Of Borneo*, Cambridge: Blackwell, hlm.123

⁶ David Leake Jr, *Brunei: The Modern Southeast Asian Islamic Sultanate*, Kuala Lumpur: Forum, 1990, hlm.9

bertajuk *Islam Di Brunei Darussalam* mengatakan bahawa kemasukan Islam ke Negara Brunei Darussalam bermula pada tahun 1371 M, dengan pengislaman seorang raja Brunei yang bernama 'Mamosa'.⁷ Beliau berpendapat bahawa ada kemungkinan 'Mamosa' yang dimaksudkan itu adalah dari pelat orang Cina untuk menyebut Muhammad Syah iaitu Sultan Brunei yang pertama (Awang Alak Betatar).⁸ Sehubungan dengan itu, kajian ini turut menyentuh kedudukan Poni iaitu sebuah negeri yang terletak di Barat Daya Pulau Borneo (dipercayai Brunei) yang mempunyai hubungan erat dengan negara China pada zaman Dinasti Ming.⁹ Perutusan yang diberikan oleh Raja Ma-ha-mo-sa kepada Maharaja Cina memperlihatkan bahawa pada masa itu Poni (Brunei) berada di bawah pemerintahan Majapahit. Di samping itu juga dinyatakan bahawa kedudukan Brunei pada masa itu adalah lemah sehingga orang Sulu berani melakukan pencerobohan dan menimpakan kesusahan terhadap orang Brunei.¹⁰ Ini bermakna bahawa Brunei pada masa itu belum lagi menjadi sebuah negara yang bebas, gagah dan disegani. Jadi berdasarkan fakta ini, Raja Brunei pada tahun 1371 M. belum lagi memeluk Islam dan Baginda dipercayai memeluk Islam sejurus selepas kejatuhan Empayar Majapahit. Oleh itu perkataan Ma-ha-mo-sa yang dirujuk

⁷ Pengiran Haji Mohamad Haji Abdul Rahman, 1992, *Islam Di Brunei Darussalam*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 60. Lihat juga Ismail Ahmad, Tinjauan Umum Terhadap Teori Kedatangan Islam ke Alam Melayu dalam *SARI* Vol. 3, No. 1, Januari 1985, hlm. 42.

⁸ *Ibid.*

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*

kepada Muhammad Syah sebenarnya masih boleh diragui. Kedudukan Poni dan kaitannya dengan Brunei dan China turut juga disentuh dan dijelaskan secara terperinci oleh Pehin Orang Kaya Amar Di Raja Dato Seri Utama Haji Mohd Jamil Al-Sufri dalam dua penulisannya yang bertajuk *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal Dan Perkembangan Islam dan Brunei Di Tengah-tengah Nusantara*.

S.Q.Fatimi (1963) dalam bukunya *Islam Comes To Malaysia* berpendapat bahawa Islam berkembang ke Kepulauan Melayu (termasuk Brunei) dari pedagang Islam yang datang berdagang dari negeri China menuju ke Asia Tenggara.¹¹ Para pedagang ini sama ada berasal dari negeri Arab, India atau dari negeri China telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan agama Islam di kepulauan Melayu. Pendapat S.Q.Fatimi turut disokong oleh penulis-penulis lain yang mengkaji proses kedatangan Islam ke Asia Tenggara amnya.

2.3 Sumber Arab

Teori kedatangan Islam dari negeri Arab adalah berdasarkan sumber-sumber Arab menerusi penulisan Thomas W. Arnold dalam bukunya yang bertajuk *The Preaching Of Islam* di mana beliau berpendapat bahawa kemungkinan Islam dibawa oleh orang-orang Arab ke Asia

¹¹ S.Q.Fatimi, 1963, *Islam Comes To Malaysia*, Singapore: Institute Of Sociological Research, hlm.68-69.

Tenggara pada abad pertama Hijrah atau ke-7 Masihi. Dari tarikh itu maka bermulalah penguasaan jalan perdagangan di kawasan Timur oleh pedagang-pedagang Arab dan seterusnya mereka menyebar serta memperkembangkan agama Islam di rantau ini. Pandangan Thomas Arnold ini mempunyai persamaan dengan pandangan D.G.E Hall dalam bukunya yang bertajuk *A History Of Southeast Asia* yang merujuk kepada peranan pedagang Arab serta ulama dalam menyebarkan Islam di rantau Asia Tenggara. Sehubungan ini, beliau mengambil contoh pengislaman Samudera Pasai yang dilakukan oleh Syeikh Ismail, seorang ulama dan pedagang Arab dari Makkah. Bermula dari sinilah, Islam berkembang ke negeri-negeri Melayu yang lain termasuk Negara Brunei Darussalam.

2.4 Sumber Tempatan

Terdapat beberapa kumpulan pengkaji tempatan yang mengatakan bahawa Brunei menjadi sebuah kerajaan Islam pada awa abad ke 15 M. iaitu sejurus selepas kemunculan Kerajaan Islam Melaka.¹² Justeru, timbul persoalan sama ada raja Brunei yang pertama memeluk Islam berlaku di Johor atau di Melaka.¹³ Jika kita merujuk kepada penulisan

¹² Sila rujuk Pengiran Haji Mohamad, 1992, hlm. 63

¹³ Dalam Silsilah Raja-Raja Brunei ada disebutkan bahawa Sultan Brunei yang pertama, Awang Alak Betatar mempunyai kaitan yang rapat dengan Sultan Johor dalam proses pengIslamannya. Namun begitu tidak dinyatakan secara jelas siapakah Sultan Johor yang sebenarnya dimaksudkan oleh kerana Salasilah tersebut ditulis selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis dimana Johor sedang mengambil alih kemashuran dan peranan Melaka. Sebab itulah nama Johor selalu disebut-sebut dan menenggelamkan nama Melaka.

Nicholl (1983), Johor yang dimaksudkan itu ialah Johor semasa di bawah pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1512-1528) iaitu selepas Melaka tewas di tangan Portugis. Walaupun penulis berkenaan merujuk pada *Salasilah Raja-Raja Brunei*, namun beberapa aspek penting tidak diketengahkan oleh beliau termasuklah peninggalan batuanisan orang Islam bertarikh sekitar abad ke 15 M. yang turut menyumbang kepada bukti kemunculan kerajaan Islam Brunei.¹⁴

Jadi apa yang dapat diperkatakan di sini ialah, kemunculan kedua-dua buah kerajaan Islam Melaka dan Brunei adalah berlaku serentak pada abad ke-15 M. Teori ini disokong serta diterima dalam beberapa penulisan lain seperti penulisan C.A Majul (1973) yang bertajuk *Muslim In The Philippines*, Hughest Hallet (1981) dalam penulisannya yang bertajuk *Silsilah Book Of The Descent Of The Rajas Of Brunei* dan juga penulisan J.P Ongkili yang bertajuk *Pre-Western Brunei, Sabah And Sarawak*.¹⁵ Para penulis berkenaan bersependapat bahawa, walaupun dalam *Salasilah Raja-Raja Brunei* menyebut nama Johor, tetapi yang dimaksudkan dengan Johor itu sebenarnya adalah Melaka memandangkan *Salasilah Raja-Raja Brunei* ditulis selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis di

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Sila rujuk C.A. Majul, 1973, *Muslim In The Philippines*, Philippines: University Of The Philippines press, hlm. 41-42, H.R. Hughest Hallet, A Sketch of The history Of Brunei dalam *Brunei Museum Journal* Vol.5 No. 1, 1981, hlm. 3 dan James P.Ongkili, 1973, Pre-Western Brunei, Sarawak And Sabah dalam *NTANUSARA* Bil. 3 Januari 1973, hlm.57.

mana pada waktu itu Johor sedang mengambil alih kemasyhuran dan peranan Melaka.

Selain itu, terdapat juga beberapa kajian lain yang dihasilkan oleh penulis tempatan mengenai teori kedatangan Islam ke Brunei. Dalam hal ini Syed Naguib Al-Attas (1969) dalam bukunya yang bertajuk *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesian Archipelago* berpendapat bahawa Islam disebarkan ke selatan Borneo melalui pendakwah dari Demak (Jawa) dalam kurun ke 9 M. sehingga ke 15 M.¹⁶ Dalam pada itu, menurut beliau Brunei telah diislamkan lebih awal dari itu iaitu serentak dengan kedatangan Islam ke Sulu dalam kurun ke 8 M.¹⁷ Pendapat beliau disokong oleh Dr. Ismail Hamid (1986) dalam penulisannya yang berjudul *Perkembangan Islam Di Asia Dan Alam Melayu* dimana beliau berpendapat bahawa Islam tersebar di Brunei lebih awal dari tarikh yang diperkatakan oleh kebanyakan penulis (samada kurun ke 14 M. atau 15 M.) berdasarkan penemuan batu nisan yang masih terpelihara terletak di Bandar Seri Begawan yang bertarikh 1048 M.¹⁸ Pada batu nisan tersebut tercatat tulisan jawi menyebutkan bahawa makam tersebut adalah makam

¹⁶ Syed Naquib Al-Attas, 1969, *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay- Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 14.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Dr. Ismail Hamid, 1986, *Perkembangan Islam Di Asia Dan Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Heinemann Sdn. Bhd, hlm.76.

puteri Sultan Abdul Majid Ibn Muhammad Syah yang mangkat pada tahun 440 H./1048 M..¹⁹

Penulisan Sanib Said (1980) yang bertajuk *Islam Di Sarawak: Sejarah Ringkas 1476-1941* pula merujuk pada sejarah awal kemasukan Islam ke Sarawak.²⁰ Menurut beliau, tiada tarikh yang tepat mengenai kemasukan Islam ke Sarawak, namun begitu jika diteliti dan dikaji kemasukan Islam ke Sarawak berkait rapat dengan proses pengislaman Brunei yang berlaku pada abad ke 15 M. Bagi Sarawak, Kesultanan Bruneilah yang paling berpengaruh dalam memperkembangkan Islam di negeri tersebut.²¹ Di bawah pemerintahan Brunei, pedagang-pedagang Arab dan keturunan mereka mendapat layanan yang istimewa bukan hanya kerana faktor perdagangan tetapi juga kerana pengetahuan mereka mengenai Islam serta kemampuan mereka dalam bidang pentadbiran. Dan kemungkinan juga kerana kerabat Diraja Brunei itu sendiri berdarah Arab. Sultan Brunei yang ketiga ialah seorang Arab bernama Syarif Ali Bilfalih dari negeri Taif.²² Oleh yang demikian terdapat beberapa orang Syarif dan orang Melayu keturunan Arab mentadbir jajahan-jajahan Kesultanan Brunei di Kalimantan Utara. Ia telah dibahagikan kepada beberapa orang Syarif iaitu Syarif Jaffar di Lingga, Syarif Mollana di Kalaka, Syarif Sabudian dan Syarif Sahib di

¹⁹ *Ibid.* hlm. 77.

²⁰ Sanib Said, 1980, *Islam Di Sarawak: Sejarah Ringkas 1476-1941* dalam *Islam Di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 181.

²¹ *Ibid.* hlm. 182.

²² *Ibid.*

Sadong.²³ Walaupun tidak ada bukti yang mutlak namun bolehlah dipercayai bahawa syarif-syarif ini telah berjaya mengislamkan kesemua orang Melayu dan sebilangan puak-puak Dayak sebelum abad ke 19 Masihi.²⁴

Dalam penulisan Muhidin Yusin (1990) yang berjudul *Islam Di Sabah*,²⁵ penulisan Ismail Yusoff (1997) yang bertajuk *Politik Dan Agama Di Sabah*,²⁶ dan penulisan Tom Harrison (1972) yang bertajuk *The Advent Of Islam To West And North Borneo*²⁷ pula memfokuskan pada proses Islamisasi yang berlaku di negeri Sabah. Sehubungan ini, seperti juga penulisan Sanib Said, kemasukan Islam di Sabah banyak dipengaruhi oleh Kesultanan Brunei dan juga Kesultanan Sulu. Menurut para penulis berkenaan, peranan kedua-dua Kesultanan iaitu Brunei dan Sulu memang jelas terutamanya pengaruh Brunei menjelang abad ke 16 M, di mana sebahagian besar kawasan di Sabah terletak di bawah takluk Kesultanan Brunei. Selain itu kedudukan Sabah terutamanya kawasan Pantai Barat yang berhampiran dengan Brunei juga

²³ *Ibid.*

²⁴ Menurut Sanib Said, Kejayaan besar Kesultanan Brunei ialah dalam mengislamkan suku bangsa Melanau yang terdapat di pesisir iaitu dikenali sebagai Bahagian Ketiga dan Bahagian Ketujuh Sarawak. Sebanyak 75 peratus suku bangsa Melanau telah memeluk Islam dan meninggalkan agama serta kepercayaan mereka.

²⁵ Muhidin Yusin, 1990, *Islam Di Sabah*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 2-6. *

²⁶ Ismail Yusoff, 1997, *Politik Dan Agama Di Sabah*, Bangi: Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia, hlm. 73-74.

²⁷ Tom Harrison, "The Advent Of Islam to West And North Borneo", dalam *JMBRAS* Vol. 45 Part 1, 1972, hlm. 10-13.

memudahkan penghijrahan orang Islam dari Brunei ke Sabah dan seterusnya menyebarkan agama Islam kepada penduduk tempatan.²⁸ Ini terbukti dengan terdapatnya segolongan besar penduduk berketurunan Brunei yang tinggal di Sabah hingga hari ini dan dikenali sebagai orang Islam asal. Mereka merupakan penduduk majoriti di beberapa perkampungan orang Islam di Papar, Sipitang, Membakut dan Menumbuk.²⁹ Sebahagian daripada mereka berkemungkinan besar adalah keturunan suku kaum Brunei yang datang ke Sabah sejak Kesultanan Brunei menguasai kawasan-kawasan tertentu di negeri itu. Mereka dipercayai telah memainkan peranan sebagai pembawa Islam dan seterusnya menyebarkan agama tersebut kepada penduduk tempatan, khususnya suku kaum Bisaya.³⁰ Suku kaum tersebut ramai yang tinggal di daerah-daerah yang terletak berhampiran dengan Brunei seperti Weston, Sipitang, Kuala Penyu dan Beaufort.³¹ Menurut penulis berkenaan, tidak dapat dinafikan golongan sufi telah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran awal Islam ke Sabah.

Penyelidikan dalam bentuk epigrafi juga memberikan sumbangan yang besar terhadap penemuan bukti-bukti mengenai kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu selain dari laporan atau catatan dari sumber luar seperti yang dibincangkan di atas. Kajian terkini mengenai epigrafi Islam di Nusantara telahpun dilakukan oleh

²⁸ Muhidin Yusin, 1990., hlm.5.

²⁹ *Ibid.* Lihat juga Ismail Yusoff, hlm. 74.

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid.*

Dr.Othman Mohd.Yatim dan Abdul Halim Nasir dari Universiti Kebangsaan Malaysia terutamanya di Brunei dan Indonesia dalam buku mereka yang bertajuk *Epigrafi Islam Terawal di Nusanatara*. Hasil dari kajian tersebut, mereka mendapati banyak batu nisan dan batu peringatan yang diukir dalam bahasa Arab dan tulisan jawi bagi menerangkan kewujudan masyarakat Islam di Alam Melayu serta tarikh tersebarnya Islam di daerah-daerah terbabit.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, para pengkaji tersebut mendapati beberapa buah makam lama yang mempunyai tarikh yang agak awal di negara tersebut dan menjadi bukti kukuh bagi sesetengah ahli sejarawan tempatan bahawa agama Islam lebih dahulu sampai di Brunei berbanding negeri-negeri lain melalui pendakwah Islam yang datang dari selatan Negeri China melalui Vietnam dan Kampuchea.³² Antara makam Islam yang berusia tua yang dijumpai ialah Makam Puteri (Makhdarah atau Rogayah) bertarikh 440 Hijrah (1048 Masihi) yang terletak di perkuburan Jalan Residency, Bandar Seri Begawan.³³ Para pengkaji berkenaan juga mendapati bahawa batu nisan di makam tersebut diukir dengan tulisan jawi dan berbahasa Arab seperti berikut:

³² Dr. Othman Mohd. Yatim, 1990, *Epigrafi Islam Terawal Di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 92.

³³ *Ibid.*

Terjemahan: Fakhr (?) seorang perempuan Makhdarah
binti (?) 'Ali (Ala)

zaman (?) (Tulisan ini di bahagian atas nisan)

Alkunainab iaitu seratus (?) dari Hijrah Nabi *Sallallahu
'Alaihi Wassallam*

(Tulisan ini di bahagian tengah).

Sultan Abdul Majid ... Ibnu Muhammad Syah Al-Sultan
(Tulisan ini di bahagian bawah).

Catatan-catatan yang terdapat pada batu nisan tersebut dengan jelas membuktikan bahawa di makam tersebut disemadikan Makhdarah (Rogayah) puteri Sultan Abdul Majid yang meninggal dunia pada tahun 440 Hijrah bersamaan 1048 Masihi.³⁴ Walaupun pengkaji-pengkaji berkenaan mempersoalkan siapakah Makhdarah atau Rogayah yang sebenarnya, dan siapa pula Sultan Abdul Majid, kerana nama Sultan Abdul Majid tidak terdapat dalam senarai sultan-sultan yang memerintah negara Brunei Darussalam di dalam *Salasilah Raja-Raja Brunei*.³⁵ Akan tetapi menurut kebanyakan pengkaji sejarah Brunei Darussalam bahawa Sultan Abdul Majid adalah putera Sultan Muhammad Shah. Malah pada batu nisan Makhdarah juga tertera nama "Sultan Abdul Majid ... Ibnu Muhammad Shah al-Sultan". Ruang kosong antara Abdul Majid dan Ibn Muhammad Shah adalah perkataan "Hassan" bukan "ibnu Yusof" seperti yang didakwa oleh

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*

pengkaji tersebut. Jika dibaca semua maka ayat lengkapnya ialah “Sultan Abdul Majid Hassan ibnu Muhammad Shah al-Sultan”. Akan tetapi oleh kerana baginda hanya menjawat sebagai Pemangku Sultan sewaktu ayahandanya Sultan Muhammad Shah dan adiknya Sultan Ahmad melawat negeri China menyebabkan nama baginda tidak disenaraikan sebagai sultan Brunei dalam *Salasilah Raja-Raja Brunei*. Menurut kajian yang terbaru oleh Haji Mohamad Salim, bahawa Makhdarah (Siti Rokayah) adalah puteri Sultan Abdul Majid ibnu Yusof ibnu Muhammad Shah. Ini bermakna bahawa Makhdarah adalah cicit Sultan Muhammad Shah dan Sultan Abdul Majid adalah cucu sultan Muhammad Shah dan bukan puteranya sepertimana yang diketahui umum. Pendapat ini bercanggah dengan fakta yang mengatakan bahawa Makhdarah adalah cucu Sultan Muhammad Shah kerana Sultan Abdul Majid adalah putera Sultan Muhammad Shah dan bukan putera Yusof seperti yang didakwa oleh beliau. Jika dilihat kepada petikan tulisan batu nisan Makhdarah di atas ia tidak menyebut secara jelas perkataan “ibnu Yusof”. Apa yang jelas ialah nama Sultan Abdul Majid bergabung dengan nama Abdul Majid al-Sultan. Oleh itu boleh jadi apa yang disangkakan ibnu Yusof itu adalah Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar).

Dalam konteks pertakhiran juga beliau tidak bersetuju dengan kedua-dua tarikh yang diterimapakai oleh ahli-ahli sejarah sebagai tarikh kemangkatan Makhdarah iaitu 440H/1048M atau 811 H/1408 M. Kedua-dua tarikh tersebut dianggap tidak betul, yang betul, katanya, ialah 862 H/1457 M, iaitu ditulis dalam bentuk

simbol iaitu cantuman dari tiga angka Arab, lapan, enam dan dua Hijrah (862 H.) bersamaan tahun 1457 Masihi. Hujahnya ialah kerana pengislaman Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) berlaku pada pertengahan abad ke-14 M (1368 Masihi). Oleh itu katanya adalah tidak munasabah puteri Makhdarah mangkat pada tahun 1048 Masihi sedangkan Putri Makhdarah adalah cicit Sultan Muhammad Shah. Begitu juga tahun 811H/1408M. dianggap tidak sesuai dan mengelirukan (Haji Mohamad Salim, "Misteri Nisan Puteri Sultan Abdul Majid" *Beriga*, April-Jun 2008, hlm.43-51).

Jika pendapat Haji Mohamad Salim dapat diterima bermakna bahawa beliau telah berjaya membaharui fakta sejarah yang selama ini digunapakai oleh pengkaji-pengkaji sejarah tempatan dan luar negara.

Sehingga kini penulis berkenaan masih meneruskan kajiannya ke atas penemuan batu-batu nisan yang tidak bernama, namun dipercayai kepunyaan orang-orang Islam di Brunei sebelum abad ke 13 Masihi. Namun begitu, apa yang jelas kepada kita bahawa para sejarawan Barat serta sumber-sumber awal yang telah dibincangkan sebelum ini tidak menyentuh atau mengkaji bukti-bukti melalui epigrafi Islam sepertimana kajian ini. Justeru, kajian mereka masih belum lengkap dan masih keliru di sana sini. Kajian ini sekaligus merupakan jawapan kepada kekeliruan dalam penulisan Nicholl, Pigafetta dan Brown serta yang sealiran dengan mereka sepertimana yang telah diketengahkan.

3. MAZHAB SHAFI`I

Mazhab dari segi bahasa bermaksud “jalan pergi”. Menurut perspektif fuqaha`, mazhab merupakan pemikiran mujtahid dalam bidang hukum syariat dengan menggunakan dalil-dalil secara terperinci, kaedah-kaedah dari usul, serta memiliki keterikatan antara satu sama lain, lalu membentuk kesepaduan.

3.1 Imam al-Shafi`i.

Imam Shafi`i merupakan tokoh Islam yang sangat terkenal, khususnya dirantau Asia Tenggara, dan telah melahirkan suatu mazhab yang dikenali sebagai Mazhab Shafi`i. Mazhab Shafi`i merupakan salah satu mazhab yang terkenal dalam aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah* dan pengasasnya ialah Imam Muhammad bin Idris al-Shafi`i (150-204/767-820), daripada keturunan Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam* dari Bani Hashim, Quraish.

Imam al-Shafi`i dilahirkan di Ghazah, Palestin. Merupakan seorang penyair dan juga seorang ahli filologi. Mendapat pendidikan awal di Makkah. Ketika usianya tujuh tahun beliau sudah hafal al-Quran. Beliau telah berguru dengan mufti-mufti Makkah termasuk Muslim bin Khalid al-Zinji dan Sufyan bin `Uyainah dalam bidang Fiqh dan hadith. Beliau turut berguru dengan Imam Malik bin Anas, Mufti Madinah, dan hafal kitab *Muwatta`* Imam Malik ketika usianya 10 tahun (atau 13 tahun). Kepintarannya mempersonakan guru-gurunya sehingga mereka membenarkan beliau mengeluarkan fatwa sejak

LAMPIRAN

Bidang Ilmu dan Pengaruhnya di Alam Melayu

Di antara bidang ilmu yang mempengaruhi masyarakat Melayu-Islam di Alam Melayu ialah aspek Tauhid, Fikah, Hadith, Tasawuf/Akhlak, dan sejarah. Nama-nama tokoh ulama silam dan kitab-kitab karangan mereka yang telah mempengaruhi ulama tempatan dan diterjemahkan ke bahasa Melayu yang dapat disebutkan di sini ialah seperti berikut:

(a) Tauhid

* **Imam al-Ghazali** menerusi karyanya *Ihya` Ulum al-Din* telah mempengaruhi hampir keseluruhan penganut *Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah* dan mazhab Shafi`i di rantai ini.

* **Al-Sanusi (Abu Abdullah Muhammad bin Sayyid Yusuf)** pengarang kitab *al-Taqyid `ala `Aqidah al-Imam al-Sanusi*, dan syarahnya diberi judul *Umm al-Barahin*. Dari *Umm al-Barahin* ini diterjemah ke bahasa Melayu dengan judul baru *Bidayat al-Hidayah* oleh Muhammad Zain bin al-Faqih Jalaluddin al-Shafi`i.

* **Ibrahim al-Laqani** pengarang kitab *Syarh Jawharah al-Tawhid* yang diterjemah ke bahasa Melayu oleh Shihabuddin bin Abdullah Muhammad al-Jawi al-Shafi`i dengan membawa tajuk yang sama atau

dikenali juga dengan nama *Syarh Akidah al-Iman*.

* **Muhammad bin Fadlillah al-Burhanpuri** (dlm bidang aqidah) mempengaruhi pemikiran Nur al-Din al-Raniri menerusi kitab *al-Lam'an fi Takfir man qala bi al-Khalq al-Qur'an*, kitab *'Aqa'id al-Sufiyyah al-Muwahhidin min Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan kitab *Hill al-Zill*.

* **Abu Yazid al-Bistami**. Terdapat banyak idea dan pemikiran Abu Yazid mengenai ilmu tauhid, sifat-sifat Nabi Muhammad s.a.w. dan erti *syari'at*, *tarekat*, *hakikat* dan *ma'rifat* di bincangkan dalam kitab *'Aqa'id al-Iman* dalam bahasa Melayu.

* **Syeikh 'Ata'allah bin ahmad al-Masri al-Azhari**,

* **Syeikh Ahmad al-Damanhuri**

* **Syeikh Abd al-Ghani bin Muhammad al-Hilal al-Askari**.

Ketiga-tiga syeikh Arab ini telah mempengaruhi pemikiran 'Abd al-Samad al-Jawi Palembang dalam kitab *Zuhrah al-Murid fi Bayan Kalimah al-Tawhid*.

* **Abu al-Fauz Ahmad al-Marzuqi bin Muhammad** menerusi kitab *'Aqa'id al-'Awam min wajib fi al-Din bi al-Tamam*.

* **'Abd al-Mu'ti bin Salim bin 'Umar al-Syabli** pengarang kitab *Kasyf al-Asrar* yang mempengaruhi **Ibrahim al-Laqani** pengarang kitab *Syarah*

`Ala Jawharah al-Tawhid (syarah kepada kitab *Jawharah al-Tawhid*) yang diambil dari kitab *Kasyf al-Asrar*

* **Ibn Shaddad al-Himyari** pengarang kitab *al-Qar`ah al-Syaddadiyyah al-Himmiriyyah*. Kitab ini telah diterjemah ke bahasa Melayu dengan judul *Tuhfah al-Zaman fi Zuruf Ahl al-Yaman* (berkaitan Ilmu Falak) tanpa menyatakan nama penterjemahnya. Kitab ini diterjemah di atas arahan Pengiran Ratu Palembang pada tahun 1175H.

* **Abu al-Fauz Sayyid Ahmad al-Marzuqi bin Muhammad Ramadan al-Hasani** pengarang kitab *`Aqidah al-`Awam min Wajib fi al-Din bi al-Tamam* yang diterjemah ke bahasa Melayu oleh Syeikh Daud bin Abdullah Fatani dengan syarahnya yang diberi judul *Tahsil Nail al-Maram li-Bayan Manzumah `Aqidah al-`Awam*

(b) Fikah

* **Al-Mawardi**, pengarang kitab *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Pemikiran al-Mawardi telah mempengaruhi pengarang kitab *Mukhtasar fi Ahkam al-Nikah* (tanpa nama pengarang).

* **Haitham bin Fakir Abd al-Wahhab** menjadi sumber utama kitab *Sirat al-Mustaqim* oleh Nur al-Din al-Raniri, khususnya dalam Bab Nikah,

* **Ibn Hajar**, pengarang kitab *al-Tuhfah* dan diolah semula oleh Syeikh Daud bin Abdullah Fatani dengan

judul baru *`Idah al-Albab li-Murid al-Nikah bi al-Sawab*. Selain kitab *al-Tuhfah*, Syeikh Daud Fatani turut memetik dari kitab-kitab Arab lain termasuklah kitab *al-Minhaj*, *Fath al-Wahhab*, *al-Nihayah* dan *al-Idah wa al-Silah*. Ibn Hajar turut mempengaruhi pengarang kitab *Bidayah al-Mubtadi` bi-Fadl Allah al-Muhdi* (dalam bahasa Melayu) yang membincangkan ilmu Tauhid, Fikah dan tasawuf menerusi kitab *al-Tuhfah*.

(c) Hadith

* **Al-Baihaqi (Abu Bakr Ahmad bin al-Husain bin Ali)** pengarang kitab *Sunan al-Baihaqi*. Dari kitab ini diterjemah ke bahasa Melayu dengan judul *Tariq al-Bayan* oleh Muhammad Arshad al-Banjari.

(d) Tasawuf/Akhlak

* **Pengarang-pengarang kitab *Adab al-Wuzara`***, kitab *Sifat al-Salatin*, kitab *al-Asrar*, kitab *Ma`rifat al-Muluk*, kitab *Ahl al-Hikmah*, dan kitab *Hikayat Iskandar Zulkarnain*. Kitab-kitab ini telah mempengaruhi pengarang kitab dalam bidang akhlak (tanpa judul) oleh Bukhari.

* **Muhammad Ruslani, Junaidi dan Imam al-Ghazali** menjadi sumber utama kitab *al-Risalah* oleh Shihabuddin bin Abdullah bin Muhammad yang membicarakan ilmu tauhid dan tasawuf.

* **Al-Busairi**, pengarang kitab *Qasidah al-Burdah* (dalam bidang tasawuf). Kitab ini telah diterjemah ke bahasa Melayu pada abad ke-17M dan ia merupakan salah satu manuskrip Melayu yang tertua di dunia. Kitab ini telah mempengaruhi pemikiran Siraj al-Din bin `Uthman al-Ushi dalam kitab *Qasidah al-Lamiyyah fi al-Tawhid (Bad` al-Amali)*. Kitab ini dikarang pada tahun 1173M.

(e) Sejarah

* **Abu Isma`il al-Basri** pengarang kitab *Mukhtasar Futuh al-Sham* ringkasan dari kitab *Futuh al-Sham* oleh al-Waqidi. Kitab *Mukhtasar Futuh al-Sham* diterjemah ke bahasa Melayu oleh Kiai Fakhr al-Din pada tahun 1769M. Ia merupakan satu-satunya kitab sejarah Islam Asia Barat yang diterjemah ke bahasa Melayu.

* **Al-Tha`labi**, pengarang kitab *Qasas al-Anbiya`* yang mempengaruhi penulis kitab *Qissah al-Yusuf* (hikayat), kitab *Majmu`* dan kitab *Hikayat Surah al-Anbiya`* yang bercampur aduk dengan cerita-cerita dongeng.

* **Al-qaiti** (m.910H/1504M) pengarang kitab *Qissah Mi`raj al-Nabi* setelah itu diterjemah ke bahasa Melayu oleh Syeikh Daud Fatani dengan judul baru *Kifayat al-Muhtaj fi al-Isra` wa al-Mi`raj*.